

# Berkongsi nikmat bulan Ramadan

▶ UMS beri bantuan kepada ahli Peroda terpilih

UB 19.6.2017 A2

Oleh ALFRED PETRUS

**KOTAKINABALU:** Inisiatif Universiti Malaysia Sabah (UMS) memberikankhidmat masyarakat pelbagai bentuk kepada orang kelainan upaya (OKU) melalui Persatuan Berkerusi Roda Kota Kinabalu (Peroda).

DekanFakultiPsikologi dan Pendidikan UMS Prof Madya Dr Mohd. Dahlan A Malek berkata inisiatif berkenaan adalah bagi berkongsi nikmat bulan Ramadan dengan warga OKU.

“Kita menghormati Ramadan sebagai bulan yang mulia kerana bulan ini adalah nikmat yang boleh dikongsi bersama-sama insan yang

“Kita menghormati Ramadan sebagai bulan yang mulia kerana bulan ini adalah nikmat yang boleh dikongsi bersama-sama insan yang istimewa ini.”

**PROF MADYA DR MOHD. DAHLAN A MALEK**  
*Dekan Fakulti Psikologi dan Pendidikan UMS*

istimewa ini.

“Kita akan adakan program sebegini dengan lebih banyak lagi untuk menolong rakan-rakan kita,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Berbuka Puasa Bersama Peroda, di sini, Sabtu lepas.

Dalam pada itu, Fakilti Psikologi dan Pendidikan melalui Unit Penyelidikan

Psikologi dan Kesihatan Sosial (UPPSIKS) UMS bekerjasama dengan beberapa organisasi bagi memberi bantuan kepada dua ahli Peroda yang terpilih dalam bentuk kewangan, bantuan makanan, keperluan dan barang harian.


Sementara itu, penerima Arby Rodziary Arifin berasa amat bersyukur kerana

terpilih untuk menerima bantuan berkenaan.

“Sayarasa bersyukur kerana dipilih sebagai salah seorang penerima sumbangan ikhlas pada majlis berbuka puasa ini. Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih kepada para penyumbang di atas sumbangan yang telah diberikan.

“Dengan jasa ini, saya rasa lebih dihargai oleh masyarakat kerana sudi meraikan golongan istimewa seperti kami,” katanya.

Sanawiah Lanong yang juga penerima yang terpilih berasa sangat gembira kerana dapat bersama-sama masyarakat lain serta anak-anaknya keluar untuk melihat suasana di luar rumah.



**ARBY (kiri)** menerima sumbangan daripada pihak universiti sambil diperhatikan oleh **Dahlan (tengah).**